AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Penilaian dari sudut hukum agama diputuskan Majlis Muzakarah Khas

Keputusan guna vaksin hari ini

Oleh SUBKHI SUDARJI

PUTRAJAYA – Keputusan sama ada penggunaan vaksin Covid -19 dari luar negara boleh digunakan umat Islam di negara ini akan diumumkan kerajaan hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Zulkifli Mohamad Al Bakri berkata, perkara itu telah dibincangkan semalam dalam Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas kali ke-10 tahun 2020 Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI).

Katanya, mesyuarat yang dihadiri ulama dan mufti itu turut diberikan taklimat berkenaan vaksin Covid- 19 oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Dr. Hishamshah Mohd. Ibrahim.

"Pihaknya akan mengambil semua pandangan dari Ahli Jawatankuasa Muzakarah yang dilantik Majlis Raja-Raja dan Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum membuat keputusan bagi meluluskan vaksin terbabit.

ZULKIFLI

"Kita akan menilai dari segi agama untuk membuat keputusan dan hujah-hujah mengenai keputusan berkenaan," katanya pada Majlis Penyerahan Surat Pelantikan kepada Pegawai Penyelidik Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan di sini semalam.



KEPUTUSAN penggunaan vaksin Covid-19 akan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong sebelum diumumkan. – GAMBAR HIASAN

Turut hadir, Mufti Wilayah Persekutuan, Dr. Luqman Abdullah dan Timbalannya, Jamali Mohd. Adnan.

Pada majlis itu, seramai 52 pegawai menerima surat pelantikan untuk ditempatkan di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

Sementara itu, Zulkifli berkata, keputusan muzakarah itu akan disampaikan kepada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin AlMustafa Billah Shah untuk mendapat perkenan sebelum diumumkan.

Katanya, bagi negeri-negeri lain keputusan akan ditentukan oleh Sultan sebagai Ketua Agama di negeri masing-masing.

"Saya akan akur dan bersetuju dengan segala keputusan serta pandangan Majlis Muzakarah Khas atas apa juga keputusan yang diambil.

"Ia bagi mengelakkan berlaku dua fatwa membabitkan umat Islam di negara ini," katanya.